

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN
HAJI MOHD FAKEH [SABAK
BERNAM]**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2015

NO. SOALAN : 23

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan langkah dan pendekatan Kerajaan bagi meningkatkan pembangunan pendidikan dan keusahawanan serta pembangunan fizikal dan ekonomi penduduk luar bandar selari dengan wawasan menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Pembangunan Luar Bandar telah menjadi salah satu fokus Kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar bukan sahaja dari segi pembangunan fizikal tetapi juga pelaksanaan program pendidikan, modal insan dan ekonomi bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat luar bandar. Tumpuan akan diberikan kepada penyertaan kumpulan isirumah 40 terendah (B40) melalui peningkatan kemahiran dan penyediaan peluang pekerjaan yang dijangka dapat membuka sebanyak 2.7 juta isirumah B40 termasuk di luar bandar. Antara pendekatan yang telah dilaksanakan melalui program-program Kementerian antaranya adalah :-

- (i) Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK) serta Program Institusi Pendidikan MARA yang mana melalui latihan yang diberikan graduan –graduan ini mampu untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik dan Kementerian mensasarkan kebolehpasaran graduannya untuk mendapat pekerjaan dalam tempoh 6 bulan setelah tamat pengajian.

- (ii) Program pembangunan modal insan, antaranya menerusi kursus-kursus motivasi dan kelas tuisyen kepada pelajar miskin di bawah Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP), kursus motivasi dan perubahan sikap di bawah Program Pembangunan Minda Insan dan latihan kemahiran oleh agensi seperti GiatMARA. Di mana seramai 500,000 golongan sasaran (belia/wanita/pemimpin kampung) telah diberi latihan.

(iii) Program- program keusahawanan juga diberi penekanan di mana dalam RMKe-11 disasarkan seramai 300 usahawan baru luar bandar diwujudkan. Melalui program *Rural Business Challenge (RBC)* usahawan-usahawan belia luar bandar diketengah dan dibantu bagi meningkatkan perniagaan mereka. Manakala pelaksanaan Program Desa Lestari adalah melibatkan pembangunan komuniti melalui pemerksaan aktiviti-aktiviti ekonomi yang dikendalikan oleh koperasi di kampung-kampung yang telah dikenalpasti dan sasaran sebanyak 200 koperasi diwujudkan di luar bandar dalam RMKe-11. Kedua-dua program ini bertujuan menjana ekonomi dan meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar.

- (iv) Program Peningkatan Pendapatan dan Program Aktiviti Ekonomi Tambahan(AET) bagi peserta RISDA merupakan program yang dapat memberikan pendapatan tambahan kepada penduduk luar bandar bagi meningkatkan pendapatan mereka.

- (v) Program lain yang turut dilaksanakan dalam usaha membantu meningkatkan pendapatan dan menjana pembangunan ekonomi penduduk luar bandar Program Lonjakan Mega Luar Bandar (Agropolitan), Program Tanam Semula Getah dan Sawit dan program penyediaan infrastruktur ladang.

- (vi) Penyediaan kemudahan prasarana dan utiliti yang baik menjadi pemangkin kepada peningkatan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat luar bandar. Dalam tempoh RMKe-11 sepanjang 3000km jalan berturap akan dibina dan liputan elektrik luar bandar akan mencapai 99% dan tambahan rumah

yang akan dibekalkan dibekalkan elektrik adalah 36,800 unit rumah.

Kementerian amat komited dalam pelaksanaan program dan projek ini dapat membantu penduduk luar bandar dalam meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup. Dalam masa yang sama dapat meningkatkan taraf hidup penduduk dan mampu memperoleh pendapatan yang tinggi sebagaimana yang telah disasarkan dalam Wawasan 2020.